

Duta jamin hubungan AS, Malaysia' kekal

Oleh Wan Hazmir Bakar

BH-1 5 JUL 2003
KUALA LUMPUR: Hubungan Amerika Syarikat dan Malaysia akan terus kekal baik walaupun selepas peralihan pucuk kepimpinan di negara ini Oktober depan, kata Dutanya ke sini, Marie T Huhtala.

Huhtala berkata, hubungan baik di antara kedua-dua negara tidak akan menghadapi masalah apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melepaskan jawatan kepada Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Kami tidak kisah (dengan peralihan kuasa itu). Kami mengucapkan selamat kepada kedua-dua mereka," katanya pada sesi soal jawab selepas menyampaikan ucapan pada majlis perbin-cangan minum petang anjuran Persatuan Kajian Persidangan Komanwel Malaysia (COSCAM) di Kelab Diraja Selangor, di sini semalam.

Beliau menjawab soalan mengenai hubungan Amerika dan Malaysia selepas perubahan pucuk kepimpinan negara Okto-

ber depan.

Hadir sama pada majlis yang dipengerusikan pakar sejarah, Prof Emeritus Datuk Dr Khoo Kay Kim itu ialah Presiden COSCAM, Datuk Hamid Osman.

Huhtala yang menggariskan dasar luar Amerika berhubung pelbagai isu semasa dunia, juga menyifatkan "pertukaran rejim mini" itu bukan sesuatu yang asing tetapi perkara biasa kepada negara yang mengamalkan demokrasi, termasuk Amerika.

"Pertukaran rejim seperti ini adalah satu yang kami cukup biasa. Malah kami melaluinya setiap empat atau lapan tahun sekali," katanya merujuk pertukaran Presiden Amerika menerusi pilihan raya setiap empat tahun dan tempoh maksimum perkhidmatan seseorang presiden.

Terdahulu, dalam ucapannya bertajuk 'Berfikir Secara Global, Bertindak Secara Tempatan: Dasar Amerika Syarikat Dalam Era Selepas Iraq', Huhtala berkata, Amerika dan Malaysia mempunyai kerjasama amat baik dalam bidang keselamatan.

Malah, katanya, Malaysia adalah antara rakan terbaik dalam

usaha memerangi keganasan di rantau Asia Tenggara.

"Ia sudah melakukan yang terbaik dalam menyiasat dan menangkap anggota Jemaah Islamiah dan kumpulan lain yang mengancam menggulingkan kerajaan terbabit secara ganas," katanya sambil menambah Washington bersedia memberi bantuan kepada Pusat Menangani Keganasan Rantau Asia Tenggara (SEARCCT).

Huhtala juga mempertahankan tindakan Amerika menyerang Afghanistan dan Iraq yang disifatkan sebagai perlu bagi menangani ancaman kumpulan pengganas dan rejim diktator terhadap keamanan dan kestabilan dunia.

Katanya, walaupun Washington bersetuju bahawa usaha perlu dilakukan bagi menangani pelbagai masalah politik, sosial dan ekonomi dunia, keganasan adalah ancaman yang perlu ditangani segera.

"Kita tidak boleh menunggu sehingga segala masalah lain dunia selesai kerana pertumbuhan pengganas tidak akan menunggu sehingga masa itu," katanya.